

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

SEPTEMBER 1997

RMK 437 - PENILAIAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Encik Umum menjangkakan beliau perlu membelanjakan RM\$6,700.00, 8 tahun akan datang untuk memperbaiki dinding bangunannya. Jika beliau ingin menyimpan setiap tahun, berapakah jumlah yang perlu disimpan untuk memenuhi perbelanjaan ini? Andaikan modal boleh dilaburkan pada kadar faedah 7.5%.

(5 markah)

- (b) Encik Am menyimpan RM\$1,200.00 setiap tahun. Berapakah jumlah yang terkumpul jika beliau menyimpan selama 15 tahun pada kadar faedah 8.5%. Berapakah jumlah faedah yang terkumpul?

(10 markah)

- (c) Encik Awam telah membuat satu simpanan sebanyak RM\$2,500.00 pada tahun ini; dengan kadar faedah 7% selama 6 tahun dan faedahnya dikreditkan setiap 4 bulan. Berapakah jumlah pelaburan ini selepas tempoh ini dan apakah kadar faedah sebenar pelaburan ini?

(10 markah)

2. (a) Apakah hubungan antara ATB setiap tahun dan ATB kekal untuk jangkamasa 10 tahun, 30 tahun dan 70 tahun dan bincangkan pola yang terdapat dengan bantuan contoh yang sesuai untuk menggambarkan hubungan ini dengan lebih jelas? (Gunakan kadar faedah 10%)

(15 markah)

(b) Beri penerangan istilah-istilah berikut :-

- (i) Nilai Pasaran Terbuka
- (ii) Penilaian Kaedah Pelaburan

(10 markah)

3. (a) Senaraikan kelebihan dan kekurangan kaedah Nilai Bersih Kini dan Kadar Pulangan Dalaman.

(15 markah)

(b) Seorang pelabur telah membuat penilaian kaedah baki dan didapati RM\$220,000.00 sebagai nilai tapak untuk harta Hutan Bandar, yang kemudiannya dijual secara lelong dengan harga RM\$250,000.00.

Apakah faktor-faktor yang boleh menyebabkan berlakunya perbezaan nilai ini?

(10 markah)

4. (a) Beri takrifan mengikut undang-undang negara kesemua istilah-istilah berikut :-

- (i) Kos Sampingan
- (ii) Nilai Tahunan
- (iii) Harga Perolehan

(15 markah)

(b) Senaraikan pegangan yang dikecualikan dari membayar cukai kadaran di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan nyatakan cara Pihak Berkuasa Tempatan menentukan peratusan yang dikenakan terhadap pegangan yang boleh dikenakan cukai.

(10 markah)

5. Can Bina Co. mempunyai dua projek yang saling eksklusif dan kos modal syarikat ialah 14%. Aliran tunai bersih adalah seperti berikut :-

Masa (tahun)	0 (RM Juta)	1	2	3	4
Projek A	-0.4	0.1	0.2	0.3	0.2
Projek Z	-0.4	0.3	0.2	0.2	-

Anda dikehendaki :-

- (a) Membuat pengiraan untuk mendapat kadar pulangan dalaman dan nilai bersih kini untuk kedua-dua projek ini.
- (b) Menganalisis keputusan dari pengiraan di atas dan beri saranan tentang kriteria pemilihan antara kedua-dua projek ini.

(25 markah)

-ooo000ooo-